



KENYATAAN MEDIA

YB EXCO PEMBANGUNAN WANITA & KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

KERAJAAN NEGERI SELANGOR PERKASAKAN AGENDA DIGITAL WANITA MENERUSI PENGANJURAN PERBINCANGAN MEJA BULAT 'WANITA DAN AI' 2026

Kerajaan Negeri Selangor menerusi Wanita Berdaya Selangor (WBS) secara rasminya telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (RTD) Siri 3 bertemakan “**Wanita dan AI – Membangun Daya Tahan dalam Era Digital**”. Inisiatif ini merupakan langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam mendepani cabaran transformasi digital yang kini bergerak pantas menerusi teknologi AI. Langkah ini penting bagi memastikan agenda pemberdayaan wanita di Selangor dilaksanakan secara lebih inklusif, berimpak tinggi, serta kalis masa hadapan (future-proof).

Sesi strategik ini memperlihatkan kolaborasi antara portfolio Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat bersama portfolio Infrastruktur Digital Negeri Selangor yang diterajui oleh YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah. Penglibatan rentas portfolio ini mencerminkan komitmen jitu Kerajaan Negeri untuk memperkukuh ekosistem teknologi yang responsif gender.

Pelaksanaan RTD 3 ini memberi fokus kepada beberapa penambahbaikan strategik selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026

- **Menangani Cabaran Struktur Sektor Pekerjaan:** Perbincangan meneliti secara khusus impak kecerdasan buatan (AI) dan automasi terhadap sektor pekerjaan yang didominasi wanita. Ini termasuk usaha menangani jurang kemahiran digital, akses kepada teknologi, serta isu beban penjagaan keluarga (*time poverty*) bagi memastikan kestabilan ekonomi wanita terus terpelihara.
- **Peluasan Kolaborasi Rentas Agensi:** Sesi ini berjaya menghimpunkan kira-kira 30 pengamal dasar dan pemain industri daripada pelbagai agensi Persekutuan dan Negeri seperti KPWKM, Kementerian Digital, MOSTI, MDEC, TalentCorp, PERKESO, MyDIGITAL Corporation, SIDEC, dan DOSM, bersama-sama badan pemikir serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

- **Peluang Ekonomi Baharu:** Selain mengenal pasti risiko, sesi ini turut merangka formula terbaik untuk memanfaatkan AI bagi membuka peluang pekerjaan fleksibel, meningkatkan produktiviti, serta memacu pengembangan usahawan digital wanita di Selangor.

Nota Indikator Global: Berdasarkan *Global Gender Gap Report 2025*, jurang gender global berada pada tahap 68.8 peratus, manakala Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan hampir 29 peratus pekerjaan dalam sektor wanita berpotensi terkesan akibat automasi. Data ini menuntut Selangor bertindak lebih pantas melalui program intervensi yang bersasar.

Bagi menjamin keberkesanan jangka panjang, segala input dan cadangan daripada RTD ini akan dikuatkuasakan sebagai rujukan rasmi Kerajaan Negeri Selangor dalam merangka pendekatan dasar, latihan semula kemahiran (*reskilling*), dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) bagi pasaran kerja masa hadapan.

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan tiada golongan wanita yang tercicir dalam arus transformasi digital ini demi membina masyarakat yang inklusif, berdaya tahan, dan mampan.

YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI

Pengerusi,

Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor